


1. Apakah kelebihan bentuk pemilikan Synergy Power Berhad berbanding Kuasa Teguh Sendirian Berhad?
 - A. Saham boleh diurus niaga di Bursa Malaysia
 - B. Pemegang syer menanggung liabiliti terhad
 - C. Bilangan ahli maksimum adalah 50 orang
 - D. Dikenakan cukai yang rendah
2. Apakah tujuan penubuhan organisasi bukan bermotifkan untung?
 - A. Membantu golongan berkemampuan mendapatkan perkhidmatan percuma
 - B. Meningkatkan penglibatan semua pihak dalam aktiviti kemasyarakatan
 - C. Menyediakan premis perniagaan kepada usahawan
 - D. Menawarkan produk berkualiti tinggi
3. Pernyataan manakah yang menerangkan persamaan antara perniagaan bersaiz kecil dengan perniagaan bersaiz sederhana?
 - A. Pengkhususan kerja mudah dilakukan
 - B. Pekerja berpengalaman mudah diperoleh
 - C. Perniagaan menikmati ekonomi bidangan
 - D. Perubahan dalam strategi perniagaan mudah dilaksanakan
4. Rajah 1 adalah merupakan kategori dalam sektor sekunder.




Rajah 1

Apakah aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan X

- A. Pemprosesan isi ikan
- B. Penternakan lembu tenusu
- C. Perkhidmatan bas sekolah
- D. Pembekalan barang runcit

5. Rajah 2 berkaitan dengan perkembangan sektor perniagaan di Malaysia.



Rajah 2


Apakah aktiviti berkaitan P dan Q?

	P	Q
A	Pembinaan	Pengilangan
B	Pelancongan	Pembinaan
C	Pelancongan	Pendidikan
D	Pengilangan	Pelancongan

6. Apakah peranan Bank Negara Malaysia?
- Menyediakan bantuan kewangan kepada usahawan
 - Menawarkan pembiayaan kepada orang ramai
 - Memantau dan mengawal keadaan ekonomi
 - Menerbitkan syer syarikat awam berhad
7. Bagaimanakah kerajaan mengatasi masalah pengangguran bermusim?
- Mengehadkan penggunaan mesin moden untuk proses tertentu
 - Melaksanakan dasar fiskal untuk mengekang kemelesatan ekonomi
 - Memberi insentif kepada peniaga yang membenarkan pekerja terus bekerja
 - Membuat perancangan ekonomi sesuai dengan trend perubahan ekonomi semasa
8. Pernyataan manakah merupakan persekitaran luaran yang boleh menjayakan sesebuah perniagaan?
- Struktur organisasi yang mantap dapat menyelaraskan aktiviti antara jabatan
 - Pembekal bahan mentah memberikan kemudahan kredit jangka pendek
 - Peluang kenaikan pangkat disediakan sebagai strategi untuk meningkatkan motivasi pekerja

D. Sumber kewangan syarikat mencukupi untuk membiayai kos pembangunan

9. Gambar 1 adalah dialog antara seorang pengurus (Encik Abas) dengan staf bawahannya (Puan Natijah).



Gambar 1

Apakah gaya pengurusan yang ditunjukkan oleh Encik Abas?

- A. Laissez-faire
 - B. Demokratik
 - C. Sederhana
 - D. Autokratik
10. Apakah halangan dalaman yang boleh membantutkan pencapaian wawasan?
- A. Ekonomi semasa
 - B. Kemahiran teknikal
 - C. Kemudahan infrastuktur

D. Penguatkuasaan undang – undang

11. Antara yang berikut, yang manakah punca berlakunya inflasi?

- I Peningkatan tinggi permintaan berbanding penawaran barang
- II Peningkatan tinggi penawaran berbanding permintaan barang
- III Penduduk meramalkan kejatuhan harga barang dan perkhidmatan
- IV Kenaikan kos pengeluaran barang dan perkhidmatan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

12. Pernyataan manakah yang betul tentang fungsian pengurusan pelanggan?

- A. Menambah baik produk sedia ada
- B. Menghasilkan barang melalui proses menukarkan input
- C. Melaksanakan sesuatu tugas untuk mencapai visi dan misi
- D. Menyampaikan produk untuk memenuhi keperluan pengguna

13. Pernyataan manakah yang menerangkan fungsian penyelidikan dan pembangunan?

- A. Menambah baik produk sedia ada
- B. Menukarkan input menjadi barang
- C. Menggalakkan berlaku pertukaran barang
- D. Menggunakan alat transaksi untuk pertukaran barang

14. Mengapakah bahagian fungsian pembelian penting dalam organisasi perniagaan?

- A. Menghasilkan barang dan perkhidmatan
- B. Mencetak dan mengedarkan bahan risalah
- C. Menentukan pemilihan pembekal yang bersesuaian dan cekap
- D. Memastikan tidak berlaku kekurangan bekalan produk di pasaran

15. Mengapakah penggunaan teknologi maklumat penting dalam urusan perniagaan?
- A. Meningkatkan persaingan perniagaan
 - B. Memudahkan pelanggan mencuba barang
 - C. Memaksimumkan keuntungan perniagaan
 - D. Mewujudkan hubungan dan jaringan yang luas
16. Apakah fungsi unit latihan dan pembangunan dalam pengurusan sumber manusia?
- A. Kenaikan pangkat
 - B. Kemudahan rekreasi
 - C. Proses pengambilan pekerja
 - D. Program induksi untuk pekerja
17. Bagaimanakah pengurus sumber manusia dapat menjaga kebajikan pekerja?
- A. Melaksanakan program motivasi
 - B. Menyediakan skim latihan kemahiran
 - C. Menyediakan kemudahan klinik panel
 - D. Mengamalkan prinsip pengkhususan tugas
18. Situasi berikut berkaitan dengan faedah sistem penggajian sebuah perniagaan.

R	Pekerja menerima ganjaran pada setiap akhir tahun berdasarkan prestasi perniagaan.
S	Pekerja menerima ganjaran berdasarkan jumlah jualan yang diperolehi.

Apakah **R** dan **S**?

	R	S
A	Bonus	Komisen
B	Bonus	Upah
C	Elaun	Upah
D	Elaun	Komisen

19. Pernyataan berikut merupakan prosedur pengurusan sumber perniagaan.

- Perlindungan insurans dan keselamatan
- Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang

Prosedur pengurusan tersebut melibatkan sumber

- A. fizikal
- B. manusia
- C. teknologi
- D. pembiayaan

20. Antara yang berikut, yang manakah sumber fizikal dalam operasi sesebuah perniagaan?

- I Tepung gandum
- II Mesin pengisar
- III Perisian komputer
- IV Karya seni


- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

21. Apakah faktor yang akan dipertimbangkan oleh pihak bank untuk meluluskan sesuatu pinjaman?

- I Nama perniagaan
- II Bilangan rakan kongsi
- III Nilai aset yang dicagar
- IV Tempoh bayaran balik pinjaman

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

22. Maklumat berikut berkaitan dengan sumber pembiayaan luaran.



Apakah **Z**?

- A. Syer
 - B. Pajakan
 - C. Overdraf
 - D. Pemfaktoran
23. Apakah kelemahan sumber pembiayaan dalaman?
- A. Penjamin diperlukan
 - B. Cagaran perlu disediakan
 - C. Kadar faedah yang tinggi perlu dibayar
 - D. Modal sukar ditambah dalam tempoh masa yang singkat
24. Pernyataan yang manakah merupakan kelebihan pembiayaan sewa beli kepada usahawan?
- A. Jentera berkos tinggi mampu digunakan
 - B. Kadar faedah tidak dicaj ke atas ansuran
 - C. Wang pendahuluan tidak diperlukan ketika membeli
 - D. Hak milik jentera diperoleh sebaik sahaja deposit dibayar
25. Apakah kelebihan pinjaman melalui agensi kerajaan berbanding pinjaman bank?
- A. Cagaran dalam apa jua bentuk
 - B. Jumlah pinjaman yang kecil
 - C. Kadar faedah yang rendah
 - D. Tiada syarat pinjaman

26. Gambar 2 adalah perbualan antara Pak Hamid dengan anaknya, Mueez.



Gambar 2

Apakah agensi yang dimaksudkan oleh Mueez?

- A. Agrobank
- B. Pihak Berkuasa Tempatan
- C. Syarikat Jaminan Kredit Malaysia (CGC)
- D. Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)

27. Apakah contoh kos berubah?

- A. Harga jentera
- B. Sewa kilang
- C. Premium insurans
- D. Bayaran bahan mentah

28. Pernyataan manakah yang menerangkan kos tetap?


- A. Kos bahan mentah adalah kos tetap
- B. Kos yang berkadaran dengan tingkat keluaran
- C. Kos yang tidak berubah dalam jangka panjang
- D. Kos yang malar walaupun tingkat pengeluaran sifar

29. Antara yang berikut, yang manakah kepentingan penyata kewangan kepada pihak – pihak tertentu dalam perniagaan?

	Pihak Berkepentingan	Kepentingan
I	Pengurusan	Menentukan jumlah dividen yang perlu dibayar kepada pemegang saham
II	Pelabur	Membuat keputusan untuk melabur atau melepaskan pegangan ke atas saham syarikat
III	Pembiaya	Panduan bagi menyusun strategi perniagaan seterusnya
IV	Pekerja	Asas kepada tuntutan untuk mendapatkan royalty

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

30. Rajah 3 berkaitan dengan graf kos dan hasil yang terlibat dalam suatu pengeluaran.



Rajah 3

Titik pulang modal berlaku pada titik

- A. w
- B. x
- C. y

D. z

31. Syarikat Smartees Sdn. Bhd. mengeluarkan beg sekolah. Kos tetap yang ditanggung oleh syarikat ialah RM350 000. Beg dijual dengan harga RM60 seunit. Kos berubah seunit RM25. Modal syarikat berjumlah RM400 000.

Berapakah titik pulang modal?

- A. 10 000 unit
 - B. 14 000 unit
 - C. 16 000 unit
 - D. 20 000 unit
32. Apakah kesan yang ditunjukkan oleh nisbah kecairan yang tinggi?
- A. Membolehkan hutang dibayar dalam tempoh yang singkat
 - B. Mengukur kadar untung yang boleh diperoleh
 - C. Menggambarkan kecekapan pusingan stok
 - D. Menunjukkan kecekapan penggunaan aset
33. Apakah peranan usahawan kepada masyarakat?
- A. Meningkatkan nilai sumber
 - B. Mewujudkan kerjasama serantau
 - C. Menyediakan pelbagai jenis barang
 - D. Mempercepatkan proses pembangunan ekonomi
34. Gambar 3 berkaitan dengan sejenis stok.



Gambar 3

Mengapakah stok ini dikatakan stok yang berisiko tinggi?

- A. Mudah rosak
- B. Boleh dijual dengan cepat
- C. Perlukan khdimat selepas jualan
- D. Ketinggalan zaman jika disimpan lama

35. Pilih pasangan yang betul.

	Dokumen	Keterangan
A	Penyata bank	Dokumen yang mengandungi catatan aktiviti perbelanjaan perniagaan.
B	Rekod jualan	Catatan ambilan oleh pemilik untuk kegunaan sendiri.
C	Rekod kos operasi	Catatan aktiviti pembelian barang niaga.
D	Rekod pembelian	Dokumen yang mencatat semua rekod belian oleh perniagaan.

36. Apakah tujuan nota kredit dikeluarkan?

- I Pembeli memulangkan bekas kosong yang telah dicaj dalam invois
 - II Caj pengangkutan yang dikenakan ke atas pembeli
 - III Jumlah dalam invois terkurang caj
 - IV Komisen diberi kepada pembeli
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

37. Situasi manakah merupakan contoh ambilan oleh pemilik perniagaan?

- A. Menerima barang daripada pengeluar
- B. Memperoleh bekalan daripada pembekal
- C. Menerima stok untuk memenuhi pesanan
- D. Memperoleh stok untuk kegunaan keluarga


38. Dokumen berikut merupakan format penyata aliran tunai.

Kedai Elektrik Rahman			
Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2019			
Butiran	Jan	Feb	Mac
Baki b/b			
<u>Terimaan</u>			
F			
<u>Bayaran</u>			
G			

Apakah contoh item bagi F dan G?

	F	G
A	Modal	Iklan
B	Gaji	Komisen diterima
C	Jualan tunai	Modal
D	Belian tunai	Belanja utility

39. Rajah 4 berkaitan dengan aspek dalam pemasaran dan jualan produk.



Rajah 4

Apakah aktiviti **K**?

- A. Memastikan perniagaan memperoleh keuntungan
- B. Menyedarkan pengguna akan kewujudan barang
- C. Membolehkan barang mampu berdaya saing

D. Membolehkan output diperoleh pengguna

40. Pernyataan berikut berkaitan dengan bahagian fungsian pengagihan.

Encik Abu mendapatkan stok baju daripada A & Z Enterprise dan menjualnya di pasar malam.

Apakah saluran agihan yang digunakan?

- A. Pengeluar → Pengguna →
- B. Pengeluar → Peruncit → Pengguna →
- C. Pengeluar → Ejen → Peruncit → Pengguna
- D. Pengeluar → Pemborong → Peruncit → Pengguna

-----KERTAS SOALAN TAMAT-----